

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **Bertulis**

DARIPADA : **Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad**
[Pasir Puteh]

SOALAN : **Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan pembinaan 'barrage' terkini di sungai Kelantan untuk perairan KADA. Adakah bekalan air mencukupi untuk penanaman padi dua kali setahun di kawasan KADA tahun 2014 dan 2015.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Buat masa ini, bekalan air adalah mencukupi dan dapat dibekalkan ke kawasan tanaman padi memandangkan paras air di muka sauk Rumah Pam adalah melebihi 4.5 meter iaitu melepas paras kritikal yang membolehkan pam tersebut beroperasi.

Bagi mengekalkan paras air yang diperlukan, Kerajaan sedang membina empangan rendah (Low Weir) di Sungai Kelantan (Kg.

Kasar, Pasir Mas) dengan kos RM 39 Juta dibawah RMK 10 yang dijangka beroperasi pada tahun 2015 bagi tujuan mengatasi masalah bekalan air bagi jangkamasa sederhana. Bagi mengatasi masalah bekalan air dalam jangkamasa panjang pula, Kerajaan telah merancang pembinaan empangan rendah (Low Weir) di Sungai Kelantan (Kg. Kemubu) dengan anggaran kos RM40 juta di bawah RMK 11.

Justeru itu, pihak KADA belum merancang untuk membina "Barrage" bagi tujuan meningkatkan keupayaan bekalan air ke sawah padi.